

Ambiga, Sembilan Lagi Mohon Isytihar Akta Perhimpunan Aman Tidak Ikut Perlembagaan
Bernama
13 Jun, 2012

KUALA LUMPUR, 13 Jun (Bernama) -- Pengerusi perhimpunan Bersih 3.0 Datuk S. Ambiga dan sembilan lagi, memfail tuntutan balas di Mahkamah Tinggi untuk mengisytihar Akta Perhimpunan Aman 2010, tidak mengikut perlembagaan.

Defendan sebagai alternatif memohon mahkamah untuk mengisytihar seksyen 6 Akta itu sebagai tidak mengikut perlembagaan.

Kumpulan itu, yang memfail tuntutan berkenaan melalui Tetuan Tommy Thomas juga memohon gantirugi umum dan teruk, selain kos daripada plaintif, kerajaan Malaysia.

Pada 15 Mei, peguam kanan persekutuan bagi pihak kerajaan dan Jabatan Peguam Negara memfail saman terhadap defendan, menuntut gantirugi khas kerosakan berjumlah RM122,000 sebagai kos membaiki kenderaan polis, faedah, kos dan relif lain yang difikir wajar oleh mahkamah.

Dalam pernyataan tuntutan itu, kerajaan sebagai plaintif, menamakan Ambiga, Maria Chin Abdullah, Zaid Kamarudin, Haris Fathillah Mohamed, K.Arumugam, S.Arul Prakkash, Wong Chin Huat, Dr Ahmad Farouk Musa, Toh Kin Woon dan Andrew Khoo sebagai defendan.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=672607>